

PERSEKITARAN yang sesuai perlu disediakan untuk ayam ternakan membesar dengan baik.



BERAPAKA ramai daripada kita mahu mengambil tahu mengenai penjagaan haiwan yang berada dalam peliharaan kita.

Penterak atau pengusaha hanya tahu mengambil untung daripada haiwan ternakan manakala kesedaran untuk mengambil berat penjagaan yang baik mungkin hanya pada tahap minimum.

Selagi ternakan tersebut masih bernyawa dan tidak sakit, ia dianggap telah mengambil berat masalah penjagaan kesihatan haiwan.

Masalah penjagaan atau kebajikan haiwan di negara ini lebih tertumpu kepada aktiviti ternakan yang dikaitkan dengan penyembelihan.

Menurut seorang pakar ternakan tempatan, **Profesor Dr. Zulkifli Idrus** dari Universiti Putra Malaysia (UPM), dua isu utama yang melingkari isu kebajikan haiwan ialah ternakan khususnya yang terkurung seperti ayam penelur dan juga khinzir.

Beliau yang juga pengarah di Institut Pertanian Tropika UPM berkata, penterak yang mempunyai kesedaran tinggi mengenai pentingnya penjagaan haiwan akan memastikan ternakan mereka tidak stres, cukup makan air dan ruang serta kebersihan dijaga rapi.

Bagaimanapun, keadaan tersebut jauh daripada memenuhi keperluan sebenar dalam konteks penjagaan kebajikan haiwan.



DR. ZULKIFLI IDRUS



ANAK-ANAK ayam diberi makanan mencukupi.

Laporan KHAS



Mega

“Menjaga kebajikan haiwan bermula dari peringkat menetas atau beranak sehingga kepada penyembelihan,” katanya.

Beliau berkata, tidak ramai pengusaha yang bersedia mengutamakan kebajikan haiwan ini kerana beberapa faktor antaranya terpaksa menanggung kos produksi yang lebih tinggi.

Sebagai contoh, berdasarkan kajian, pada keadaan sekarang, ayam penelur hanya mempunyai ruang lebih kurang

450 sentimeter persegi seekor ayam dan jika ditambah 100 sentimeter persegi, kos produksi telur mungkin meningkat sehingga lima peratus.

Di negara barat katanya, sesetengah produk dilabel dan dijelaskan jenis atau sistem ayam tersebut dipelihara dan pengguna boleh memilih telur yang murah atau sebaliknya.

Dalam pada itu kata beliau, pengendalian selepas penterakan termasuk pengangkutan dan sembelihan kini menjadi isu hangat yang diperbincangkan terutama di Barat.

Kekejaman terhadap haiwan dikatakan mungkin berlaku ketika hendak menyembelihnya, dan ketika dalam kurungan, semasa ditangkap dan sebagainya.

“Masyarakat barat menyerang (menuduh) kita berlaku kejam terhadap haiwan yang hendak disembelih kerana tidak merenjaknya supaya pengsan terlebih dahulu,” ujar Dr. Zulkifli.

Dr. Zulkifli menjelaskan, merenjakkan ayam untuk dipengsankannya sebelum disembelih memang dilakukan di negara ini tetapi tidak bagi lembu atau kambing.

Masyarakat barat kata beliau, mengenakan renjatan terhadap haiwan yang hendak disembelih termasuk lembu dan kambing tetapi di negara ini untuk penyembelihan halal, haiwan yang boleh ‘sedar’ semula selepas direnjat iaitu ia tidak menyebabkan kematian, ia harus untuk dimakan.

Apa yang ingin dijelaskan ialah kaedah untuk menyembelih secara halal itu tidak disalah tafsir atau didakwa menyeksa haiwan.

“Masyarakat Barat bagaimanapun tidak akan menerima tanpa sebarang bukti saintifik,” ujarnya,

Oleh itu kata Dr Zulkifli, badan-badan agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajar membantu dalam penyelidikan mengkaji haiwan yang disembelih secara halal ini tidak menyeksakan dengan menyediakan dana dan kajian lanjut itu boleh dibuat dengan memerhati perubahan hormon, aktiviti otak dan sebagainya bagi membuktikan tiada unsur seksaan semasa proses penyembelihan.



TERNAKAN juga perlu dipastikan mempunyai ruang yang cukup dan selesa.



Isu tersebut perlu ditangani segera bagi menepis persepsi dan tuduhan masyarakat barat bahawa penyembelihan halal menyeksakan haiwan dan ia dijadikan senjata untuk menuduh Islam dengan elemen negatif.

Katanya, Indonesia pernah menjadi mangsa isu tersebut apabila Australia mengharamkan eksport lembu ke negara berkenaan dengan alasan yang sama.

Berdasarkan isu-isu tersebut, beliau berpendapat ada kewajaran bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang mencadangkan penubuhan pusat kecemerlangan kebajikan haiwan yang akan memberi fokus kepada isu-isu penyembelihan halal.

Mengenai haiwan peliharaan, beliau berkata, pendekatannya perlu berbeza dengan haiwan ternakan tetapi tidak semestinya pemilik haiwan berkenaan memenuhi keperluan dalam konteks penjagaan haiwan yang sebenarnya.

Menjaga kebajikan haiwan bermula dari peringkat menetas atau beranak sehingga kepada penyembelihan

“Ia bukan sekadar hanya memberi makan ditambat dan tinggalkan begitu sahaja. Haiwan perlu dimandikan, disuntik dengan vaksin dan dirawat bila sakit.

“Mereka yang mempunyai peliharaan seboleh -bolehnya mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan kucing atau anjing mereka,” ujarnya

Mengenai sama ada Malaysia mempunyai undang-undang yang boleh dikuatkuasakan berhubung penjagaan haiwan, Dr. Zulkifli berkata, akta sedia ada *out-dated* dan tidak sesuai untuk masa ini.



Pusat kecemerlangan kaji keperluan

KERAJAAN telah menubuhkan pusat kecemerlangan kebajikan haiwan yang dianggotai oleh pegawai penyelidik, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Pusat kecemerlangan tersebut berfungsi untuk memberi nasihat berkenaan ilmu kebajikan haiwan, cara menjaga dan mengendalikan haiwan termasuk yang hendak disembelih.

Seorang penyelidik utama pusat kecemerlangan tersebut, Prof Dr. Zulkifli Idrus berkata, pusat tersebut perlu juga menjalankan kajian tertentu

termasuk isu-isu berkaitan halal dan sembelihan yang masih menjadi perbincangan hangat ketika ini.

“Kita perlu menjalankan penyelidikan bagi menjawab sebarang permasalahan berdasarkan data dan fakta bagi memberi keyakinan kepada orang ramai,” ujarnya.

Pusat kecemerlangan tersebut yang juga dianggotai oleh ahli kalangan bukan Islam diharap dapat menjadi pusat rujukan isu-isu berkaitan kebajikan haiwan dan halal bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah antarabangsa.

Persatuan penternak kambing didik ahli

PERSATUAN Pembiak Kambing Malaysia (PPKM) juga sedang mempraktikkan apa juga elemen yang penting dalam isu kebajikan haiwan.

Presidennya Zainal Abd. Ghani berkata, meskipun terlibat dengan isu-isu



ZAINAL
ABD GHANI

komersial dalam industri kambing perkara tersebut juga diambil kira dalam projek ternakan terutama yang melibatkan, makanan berkhasiat,

penyakit, penjagaan kebersihan serta mematuhi Prosedur standard (SOP).

“Pembiak (kambing) sayangkan ternakan sebab itulah modal pengeluaran mereka,” ujarnya.

Beliau berkata, setakat ini persatuan tersebut mempunyai 30 ahli yang memberi tumpuan kepada isu meningkatkan mutu benih kambing tempatan.

Antaranya ialah pengimportan benih luar kurang bermutu yang sepatutnya dielak dan juga program pembangunan industri seperti mentor-mentee.

Beliau yakin isu kebajikan haiwan boleh dipupuk sedikit demi sedikit dalam industri berkenaan untuk kepentingan pengusaha dalam jangka panjang.